

MOTIVASI PELAJAR MELAYU DALAM MENINGKATKAN KEMAHIRAN BERTUTUR BAHASA ARAB ASAS

Ilham Ebau

Pusat Pengajian Bahasa, Literasi dan Terjemahan

Universiti Sains Malaysia

E-mel: ilham@usm.my

Shahdatulakma Ahmad

Pusat Pengajian Bahasa, Literasi dan Terjemahan

Universiti Sains Malaysia

E-mel: shahdatulakma@usm.my

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan meneliti tahap motivasi pelajar Melayu dalam menguasai kemahiran bertutur bahasa Arab asas. Menggunakan pendekatan kualitatif, seramai 10 orang pelajar Melayu yang mengikuti Kursus Bahasa Arab di Pusat Pengajian Bahasa, Literasi dan Terjemahan, Universiti Sains Malaysia telah dipilih sebagai peserta kajian. Kajian ini melihat motivasi pembelajaran bahasa yang dikemukakan oleh Gardner (1985) dan Dornyei (1990) yang menekankan kepentingan usaha, keinginan untuk belajar, dan kepuasan dalam pembelajaran. Dari pemerhatian awal, pengkaji mendapati bahawa pelajar berhadapan dengan beberapa cabaran utama seperti kesukaran menguasai tatabahasa, penggunaan kosa kata yang kompleks serta kekangan untuk berinteraksi dalam bahasa Arab di luar bilik kuliah. Perkara lain yang turut dinyatakan oleh Abdul Hakim Abdullah, Ab. Aziz Sulaiman & Wan Ismail Wan Abdullah (2015); Abdul Wahab bin Zakaria (2012) dalam penguasaan bahasa Arab ialah dalam konteks pembelajaran bahasa Arab, faktor seperti kesedaran diri dan keberkesanan kaedah pengajaran turut memainkan peranan penting dalam meningkatkan motivasi pelajar. Oleh itu, kepelbagaian aktiviti pembelajaran yang menarik dan interaktif perlu diterapkan oleh pendidik untuk memupuk minat serta meningkatkan daya motivasi pelajar dalam menguasai bahasa secara lebih berkesan.

Kata kunci: motivasi pelajar; bahasa Arab asas; pengajaran interaktif; cabaran pembelajaran; pendekatan kualitatif

1. PENGENALAN

Motivasi merupakan faktor penting dalam pemerolehan bahasa kedua kerana ia menentukan kejayaan pembelajaran; individu yang mempunyai dorongan dan matlamat yang jelas lebih cenderung berjaya berbanding mereka yang tidak (Makmun, 2007; Chaer, 2009). Dalam konteks ini, motivasi terbahagi kepada dua jenis utama, iaitu intrinsik yang berpunca daripada minat dan keseronokan dalam pembelajaran, serta ekstrinsik yang dipacu oleh faktor luaran seperti keperluan akademik atau peluang pekerjaan (Yamin, 2011). Gardner dan Lambert (1972) dalam Chaer (2009) pula membahagikan motivasi kepada dua fungsi, iaitu integratif yang merujuk kepada keinginan untuk berkomunikasi dan menjadi sebahagian daripada masyarakat penutur bahasa sasaran, dan instrumental yang lebih menekankan matlamat praktikal seperti mendapatkan pekerjaan atau meningkatkan mobiliti sosial.

Kajian lepas menunjukkan hasil yang berbeza mengenai motivasi dalam pembelajaran bahasa kedua; Gardner dan Lambert (1959) mendapati motivasi integratif lebih penting dalam pemerolehan bahasa, namun kajian mereka pada 1972 menunjukkan tiada hubungan signifikan dengan penguasaan bahasa. Chihara dan Oller (1972) pula melaporkan wujud sedikit korelasi antara sikap dan keupayaan berbahasa, manakala Lukmani (1972) serta kajian Gardner dan Lambert (1972) di Filipina membuktikan motivasi instrumental lebih dominan berbanding integratif. Dari sudut pengajaran, motivasi pelajar dapat diperkukuh melalui peneguhan positif, penjelasan matlamat, suasana

pembelajaran yang menarik dan maklum balas yang membina (Azizi & Jaafar Sidek, 2006; Sanjaya, 2009), manakala kajian Mohd Zaki Ahmad dan Mohd Zaki Abd. Rahman (2014) menegaskan bahawa motivasi intrinsik dan ekstrinsik seperti keinginan memperoleh keputusan cemerlang serta minat terhadap bahasa al-Quran turut menyumbang kepada peningkatan penguasaan Bahasa Arab.

2. METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan campuran dengan soal selidik kuantitatif (MSLQ dan SETERS) untuk mengukur motivasi dan kebimbangan pelajar serta kaedah kualitatif melalui temu bual, pemerhatian kelas dan rakaman pertuturan. Reka bentuk kajian kes dipilih bagi meneliti sekumpulan pelajar Ijazah Sarjana Muda Komunikasi Profesional Bahasa Arab di Universiti Sains Malaysia dengan instrumen yang menilai motivasi intrinsik dan ekstrinsik, kebimbangan, pola motivasi serta keyakinan pelajar. Intervensi pedagogi berpusatkan pelajar dilaksanakan melalui teknik seperti role-play, cooperative learning dan peer teaching. Prosedur kajian bermula dengan analisis keperluan, diikuti pembangunan modul intervensi, pelaksanaan aktiviti bertutur, dan pengumpulan data yang dianalisis menggunakan SPSS serta analisis kandungan dan tema. Pembolehubah utama yang ditinjau ialah motivasi intrinsik dan ekstrinsik, kebimbangan ujian dan komunikasi, pencapaian bertutur serta persepsi terhadap strategi pengajaran guru.

3. DAPATAN KAJIAN

Dapatan kajian menunjukkan bahawa pelajar memiliki tahap motivasi yang baik dalam mempelajari bahasa Arab, terutamanya disebabkan oleh faktor ekstrinsik seperti dorongan ibu bapa dan keinginan untuk memahami kandungan agama dalam al-Quran. Di samping itu, faktor intrinsik seperti minat mendalam terhadap budaya, drama dan lagu Arab turut menjadi pendorong utama. Walau bagaimanapun, terdapat penurunan tahap motivasi apabila pelajar melangkah ke peringkat penguasaan yang lebih tinggi disebabkan kesukaran dalam aspek kosa kata, struktur tatabahasa dan kaedah pengajaran yang kurang sesuai.

Jadual 1: Tahap Kebimbangan Pelajar Bahasa Arab di USM dalam Pembelajaran Kelas Bahasa Arab

No.	Pernyataan	Min	SP	Tafsiran
1	Saya risau tentang akibat gagal dalam kelas bahasa Arab.	3.90	0.968	Tinggi
2	Dalam kelas bahasa Arab, saya menjadi gugup sehingga terlupa apa yang saya sudah tahu.	3.72	0.988	Tinggi
3	Walaupun saya sudah membuat persediaan yang baik, saya tetap rasa bimbang.	3.67	0.886	Tinggi
4	Saya rasa lebih tertekan dan gugup dalam kelas bahasa Arab berbanding kelas lain.	3.22	1.155	Sederhana
5	Saya rasa tertekan kerana perlu mempelajari pelbagai perkataan untuk bertutur dalam bahasa Arab.	2.86	1.099	Sederhana
6	Saya rasa tertekan kerana perlu mempelajari pelbagai ayat untuk bertutur dalam bahasa Arab.	2.97	1.075	Sederhana
7	Saya selalu rasa tidak mahu pergi ke kelas bahasa Arab.	2.17	1.187	Rendah
	Min Keseluruhan	3.22	0.759	Sederhana

Berdasarkan Jadual 1, analisis deskriptif soal selidik terhadap 58 pelajar menunjukkan tahap kebimbangan dalam pembelajaran berada pada tahap sederhana (min = 3.22). Item dengan skor min tertinggi ialah kebimbangan terhadap kegagalan dalam kelas bahasa Arab (min = 3.90), diikuti kegugupan walaupun telah membuat persediaan, manakala skor terendah berkaitan keengganan hadir ke kelas (min = 2.17). Dapatan ini selari dengan kajian Yusoff et al. (2020) dan Dellah et al. (2020) yang turut melaporkan kebimbangan pelajar dalam pembelajaran bahasa asing.

Jadual 2: Tahap Kebimbangan dalam Kemahiran Bertutur Bahasa Arab

No.	Pernyataan	Min	SP	Tafsiran
1	Saya selalu rasa tidak yakin untuk bertutur dalam kelas bahasa Arab.	3.28	0.790	Sederhana
2	Saya akan panik jika perlu bertutur tanpa sebarang persediaan.	3.64	1.135	Tinggi
3	Saya malu terhadap diri sendiri apabila bertutur dalam bahasa Arab.	2.91	1.144	Sederhana
4	Saya rasa gugup apabila bercakap dengan penutur asli bahasa Arab.	3.62	1.105	Tinggi
5	Saya gugup apabila tahu saya akan dipanggil dalam kelas bahasa Arab.	3.47	0.995	Tinggi
6	Saya gugup apabila tidak faham apa yang pensyarah katakan dalam bahasa Arab.	3.55	0.958	Tinggi
7	Saya gugup apabila pensyarah bertanya soalan dalam bahasa Arab yang saya tidak bersedia.	3.59	0.859	Tinggi
	Min Keseluruhan	3.44	0.735	Tinggi

Dari segi kebimbangan dalam kemahiran bertutur, dapatan menunjukkan tahap kebimbangan pelajar adalah tinggi (min = 3.44), terutamanya apabila diminta bertutur tanpa persediaan (min = 3.64), berhadapan dengan penutur asli (min = 3.62), serta ketika tidak memahami pertuturan pensyarah. Kebimbangan ini berpunca daripada kurang keyakinan diri dan kelemahan kosa kata, selari dengan dapatan Kamaruddin (2017) dan Abdullah et al. (2017). Justeru, pensyarah disaran mewujudkan persekitaran pembelajaran yang kondusif serta mempelbagaikan aktiviti komunikasi yang menyeronokkan dan tidak mengancam emosi pelajar.

Jadual 3: Tahap Ketakutan Dinilai Secara Negatif Semasa Bertutur Bahasa Arab

No.	Pernyataan	Min	SP	Tafsiran
1	Saya selalu rasa pelajar lain lebih mahir berbahasa Arab daripada saya.	4.21	0.874	Sangat Tinggi
2	Saya takut pelajar lain akan ketawakan saya apabila saya bertutur.	3.24	1.113	Sederhana
3	Saya sangat takut apabila pensyarah kerap membetulkan kesilapan saya.	2.88	1.171	Sederhana
4	Saya selalu anggap pelajar lain lebih fasih berbahasa Arab.	4.03	0.936	Tinggi
5	Saya rasa gugup apabila menduduki peperiksaan bahasa Arab.	3.00	0.991	Sederhana
	Min Keseluruhan	3.47	0.744	Tinggi

Seterusnya, tahap ketakutan dinilai secara negatif semasa bertutur turut mencatat tahap tinggi (min = 3.47), dengan jumlah tertinggi menunjukkan ramai pelajar merasakan rakan sekelas lebih mahir berbahasa Arab berbanding mereka (min = 4.21). Kebimbangan terhadap penilaian negatif dan rasa malu apabila membuat kesilapan turut dikenal pasti sebagai faktor yang menyekat keberanian pelajar untuk bertutur. Oleh itu, pendekatan pengajaran yang memberikan penekanan kepada maklum balas membina dan galakan positif amat digalakkan.

4. KESIMPULAN

Kajian ini membuktikan bahawa motivasi merupakan faktor utama dalam meningkatkan kemahiran bertutur bahasa Arab asas, dipengaruhi oleh minat terhadap bahasa, keinginan memahami kandungan agama, galakan ibu bapa dan keperluan akademik, namun ia menurun pada tahap penguasaan lebih tinggi akibat kesukaran tatabahasa, kosa kata dan pendekatan pengajaran yang kurang sesuai. Walaupun pelajar mengalami kebimbangan seperti panik ketika bertutur spontan, takut dinilai negatif dan kurang keyakinan berinteraksi dengan penutur asli, mereka tetap komited mengikuti pembelajaran. Pendekatan berpusatkan pelajar seperti Role-Play, maklum balas rakan sebaya, Strategi Metakognitif dan Model ARCS terbukti berkesan meningkatkan keyakinan, kemahiran pertuturan serta motivasi, justeru guru disaran menyediakan persekitaran bilik darjah yang selamat dan menyokong agar pelajar lebih yakin untuk bertutur.

5. RUJUKAN

- Cagatay, S. (2015). Examining EFL students' foreign language speaking anxiety: The case at a Turkish state university. *Procedia - Social and Behavioral Sciences*, 199, 648–656.
- Chaer, A. (2009). *Psikolinguistik: Kajian Teoretik*. Jakarta: PT Rineka Cipta.
- Makmun, A. S. (2007). *Psikologi Kependidikan: Perangkat Sistem Pengajaran Modul*. Bandung: PT Remaja Rosdakarya.
- Mohd Zaki Ahmad, & Mohd Zaki Abd. Rahman. (2014). Intrinsik dan ekstrinsik: Tinjauan motivasi dalam kalangan pelajar sekolah agama. *International Research Management and Innovation Conference (IRMIC)*, 17–18 November, 422–450.
- Sanjaya, W. (2009). *Kurikulum dan Pembelajaran: Teori dan Praktik Pengembangan Kurikulum Tingkat Satuan Pendidikan (KTSP)*. Jakarta: Kencana.
- Yamin, M. (2010). *Kiat Membelajarkan Siswa*. Jakarta: Gaung Persada Press.
- Yusoff, A., Nik Yusoff, N. M. R., & Baharuddin, H. (2020). Efikasi sendiri dan kebimbangan bahasa dalam kelas pembelajaran Bahasa Arab di sekolah agama. *Attarbawiy: Malaysian Online Journal of Education*, 5(1), 35–47.